PENGGUNAAN KATA PINJAMAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
pabiyah@fbmk.upm.edu.my, cradiah@fbmk.upm.edu.my

ABSTRAK

Kata pinjaman bermaksud kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa asing atau kata yang diterjemahkan atau konsep makna yang ditiru daripada kata asing tersebut. Perkataan Arab yang dipinjamkan ke dalam Bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek dan menyeluruh dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkataan Arab yang dipinjam ini telah melalui perubahan dari segi bunyi dan makna. Dari segi bunyi, beberapa perkataan Arab yang dipinjam telah melalui beberapa proses penyesuaian seperti: pengguguran satu daripada dua fonem yang sama, penggantian fonem dengan fonem lain. Dari segi makna pula, didapati berlaku perubahan dalam proses penggunaannya. Di antara perubahannya ialah kata-kata yang dipinjam diberi makna baru sama ada berlainan atau berlawanan. Kata pinjaman itu juga membawa makna yang lebih sempit atau dikhususkan daripada makna asalnya. Perubahan makna yang drastik ini ada kalanya mendatangkan masalah kepada pengguna. Hal ini juga akan menyebabkan pelajar bahasa Arab mengalami kesukaran serta mengganggu kelancaran semasa menggunakannya dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana ketepatan pelajar IPTA menggunakan kata pinjaman Arab ini dalam penulisan bahasa Arab mereka serta mengklasifikasi bentuk penggunaannya. Diharapkan rumusan kajian ini dapat membantu semua pihak yang terlibat sama ada dari pihak pengajar mahu pun pelajar. Dari pihak pengajar, diharapkan hasil kajian ini dapat membantu tenaga pengajar bahasa Arab supaya memberi perhatian dan tumpuan yang lebih kepada pelajar terhadap aspek yang belum dikuasai oleh mereka. Ianya juga dapat membantu tenaga pengajar bahasa Arab untuk memilih bahan yang sesuai dalam pengajaran mereka. Manakala dari pihak pelajar pula, saranan yang sesuai akan diketengahkan untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam mengguna kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dengan betul dan tepat.

Abstract

Loan words are words borrowed from directly from another language or words that are translated or words whose meanings are derived from another language. Arabic loan words in Malay language cover various aspects of life. However, some of these words have undergone some phonetic and semantic changes. Some of the phonetic changes include the deletion of the alphabet that is similar to another alphabet and the replacement of alphabets. Where the meaning of the words is concerned, sometimes the loan words may acquire a new or even an opposite meaning. In some other cases, the meaning of the loan words may also be narrowed down or become more specific compared to the original word. These changes may cause difficulties to language users and also to Arabic students, who might face problems when they write in Arabic. This research therefore aims to investigate how far the students use loan words accurately in their writing and also to classify the students' patterns of usage. It is hoped that the findings of this research will help both teachers and students. It is also hoped that this finding will enable teachers to focus more on aspects that have not yet mastered by students and allow them to choose suitable teaching materials. Some suggestions for students will be also made to help them improve their competency and to enable them to use Arabic loanwords correctly and accurately.

Pendahuluan

Satu hakikat yang tidak dapat disangkal bahawa terdapat sebilangan besar perkataan Arab digunakan oleh masyarakat Melayu secara sedar mahupun tidak. Ini dibuktikan oleh Beg (1979:109-141) dalam buku beliau yang berjudul "Arabic Loan Words on Malay Language". Menurut beliau terdapat 2150 perkataan Arab dalam bahasa Melayu meliputi pelbagai bidang. Manakala Abdul Hamid Ahmad pula telah menyenaraikan dalam bukunya *Kamus al-Hamidi* sejumlah 2000 perkataan Arab yang terdapat dalam Bahasa Melayu (Mustafa Hj Daud, 1996 :84). Selain daripada itu sebahagian yang besar perkataan Arab telah diiktiraf oleh Kamus Dewan. Hal ini memperlihatkan pengaruh Bahasa Arab terhadap Bahasa Melayu yang amat luas dan mendalam sekali khasnya dalam aspek kosa kata. Sehubungan dengan fakta itu perkataan tersebut mengikut Abd al-Raziq Hasan (1990) boleh dimanfaatkan dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

Jika dilihat sepintas lalu, kata pinjaman Arab yang sudah sebati digunakan oleh masyarakat Melayu dapat membantu pelajar mengingati perkataan dengan mudah, seterusnya dapat menggunakannya dalam penulisan atau perbualan mereka dengan tepat. Tidak dinafikan juga bahawa perkataan Arab ini banyak membantu pelajar dalam proses mereka mempelajari bahasa Arab khasnya berkaitan pengayaan kosa-kata dan kemudahan untuk memahami maksud kata. Ini kerana sebahagian perkataan Arab sudah sebati digunakan oleh masyarakat Melayu. Ini diperkukuhkn oleh pendapat para sarjana bahasa yang mengatakan bahawa kata pinjaman boleh membantu dalam proses pembelajaran bahasa (Nation, 1990:34). Persoalan yang timbul ialah adakah perkataan ini benar-benar dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab atau terdapat di sana beberapa masalah yang mungkin mengganggu pelajar dalam usaha mereka menguasai bahasa tersebut, lantaran perbezaan antara kedua-dua bahasa yang agak ketara. Justeru kajian ini akan melihat sejauh mana penggunaan pelajar terhadap kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan pelajar terhadap kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bahasa Arab di IPTA. Ia juga bertujuan untuk mengklasifikasi jenis kata pinjaman Arab yang digunakan oleh pelajar. Selain itu kajian ini juga akan menganalisis kesilapan penggunaan kata pinjaman Arab yang digunakan oleh pelajar dalam konteks bahasa Arab. Seterusnya ia akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan teori kognitif yang dipelopori oleh Noam

Chomsky. Ia merupakan salah satu daripada teori terkemuka dalam kajian linguistik yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kedua. Teori Kognitif memandang pemelajaran bahasa sebagai satu proses pemikiran. Menurut pandangan ahli-ahli kognitif, proses pembelajaran bermaksud berubah atau bertambahnya maklumat yang tersimpan di dalam akal atau pemikiran. Dengan kata lain, ahli kognitif seperti Edward Sapir, Fries, Boas dan Brooks turut mengambil kira proses-proses persepsi yang terlibat, dan juga pengetahuan atau pengalaman yang sedia ada di dalam akal budi organisma dalam merubah atau mewujudkan sesuatu bentuk kognitif atau pemikiran. Seterusnya, pengetahuan yang telah tersimpan dalam pemikirannya akan membantunya untuk menghasilkan output bahasa yang gramatis dan wajar. Ini bermaksud, proses pembelajaran biasanya berbentuk evolusi dan bukannya bersifat serta merta. Sebagai contoh, dalam mempelajari nahu sesuatu bahasa, kita mempelajarinya sedikit demi sedikit (Zulkifley Hamid, 2006:107).

Dalam proses mempelajari bahasa kedua, menurut Lado (1980), di antara fenomena utama yang dihadapi oleh pelajar bahasa asing ialah gangguan bahasa ibunda *(language interference*) ke atas bahasa kedua (B2) atau bahasa asing yang dipelajari sebagai mana yang diungkapkan:
…*when learning a foreign language we tend to transfer our entire native language system in the process.*

Gangguan ini secara tidak langsung memberi kesan ke atas kewujudan pelbagai jenis kesilapan bahasa yang dihasilkan termasuk kesilapan dalam ortografi/ejaan dan leksikal. Hal ini juga ditegaskan oleh Tarigan, Dulay, Burt dan Weinreich.

Apabila keadaan-keadaan tersebut wujud dan pertukaran secara automatik berlaku, maka seolah-olah satu kepastian yang kesalahan-kesalahan akan timbul dan tidak dapat dielakkan.

Subjek Kajian

Subjek kajian adalah pelajar pengkhususan bahasa Arab semester 3 dari Universiti Putra Malaysia. Pada semester pertama dan kedua pelajar akan mendaftar untuk kursus-kursus universiti dan fakulti. Hanya pada semester ketiga pelajar pengkhususan bahasa Arab akan baru mula mendaftar untuk kursus-kursus bahasa Arab. Subjek kajian ini terdiri daripada 50 orang pelajar lelaki dan perempuan berbangsa Melayu.

Alat Kajian

Kajian ini menggunakan ujian bertulis berkaitan penggunaan kata pinjaman Arab. Soalan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan soalan berbentuk terjemahan. Pelajar diberi ayat dalam bahasa Melayu yang mengandungi kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Seterusnya mereka dikehendaki menterjemah ayat tersebut ke dalam bahasa Arab. Bahagian

kedua pula merupakan soalan membina ayat dengan menggunakan perkataan Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu.

Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Bahasa Melayu

Menurut A. Hasjamy (1981:13-15) Islam mula sampai ke tanah Melayu pada kurun pertama hijrah bersama dengan pedagang Arab yang membawa misi dakwah Islamiah ke tanah Melayu. Dengan penerimaan penduduk tanah Melayu terhadap Islam menjadikan hubungan antara para pedagang Arab dan penduduk tanah Melayu makin rapat dan akrab. Seterusnya menyaksikan hubungan yang rapat juga antara Bahasa Arab dengan masyarakat Melayu Islam. Hal ini kerana terdapat banyak perkataan Arab yang diguna oleh masyarakat Melayu Islam adalah berasal daripada perkataan Arab. Lebih-lebih lagi perkataan yang mempunyai kaitan dengan istilah keagamaan. Justeru itu, bahasa Arab mempunyai pengaruh yang amat luas dan mendalam terhadap bahasa Melayu. Pengaruh ini boleh dilihat dari segi peminjaman bahasa Melayu terhadap bahasa Arab. Proses peminjaman ini berlaku seawal dan seiring dengan kemasukan Islam ke Tanah Melayu. Terdapat sebilangan besar kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu seperti yang dijelaskan oleh Beg. (1979:109-141) Menurut Abd_al-Raziq Hasan (1990:6) perkataan Arab yang dipinjamkan meliputi pelbagai aspek dan bidang yang bermula dari saat kelahiran hingga ke saat kematian. Ini dapat diperhatikan bermula daripada perkataan ‘hamil’, ‘aqiqah’, ‘berkhatan’, ‘tarbiyah’, ‘baligh’, ‘aqad nikah’, ‘walimatul urus’, ‘kesyukuran’, ‘nazak’, ‘mayat’, ‘kafan’, ‘kubur’, ‘talkin’ dan lain-lain.

Sehubungan itu, proses penyerapan perkataan Arab dalam bahasa Melayu ini mengambil masa yang lama dan berlaku sedikit demi sedikit sehingga ianya menjadi sebati. Pada mulanya perkataan dan istilah Arab hanya digunakan untuk penyebaran Islam dan tertumpu kepada istilah kegunaan seharian sahaja. Namun begitu, istilah-istilah ini telah diperkembangkan secara meluas dan meliputi pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Malahan kini, menurut Amran Kasimin (1987:13-14) bahasa Arab menjadi bahasa ilmiah yang diterima oleh masyarakat umum tanpa mengira bangsa dan agama.

Perlu dijelaskan juga, bahawa terdapat sebilangan perkataan Arab yang mengalami proses perubahan, sama ada dari segi ejaan atau makna. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi impak yang negatif kepada penggunaannya. Sebagai contoh perkataan ‘khalwat’ dalam masyarakat Melayu diketahui umum sebagai ‘berdua-duaan antara lelaki dan perempuan’ berbanding dalam bahasa Arab ynag bermaksud ‘bersunyi-sunyian sama ada antara khaliq dan makhluk atau individu tertentu’.

Kata Pinjaman

Menurut Kamus Linguistik (1997:118), kata pinjaman bermaksud kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa asing atau kata yang

diterjermahkan atau konsep makna yang ditiru daripada kata asing tersebut. Sekiranya kata asing tersebut masuk ke dalam Bahasa Arab tanpa perubahan, maka ia disebut sebagai kata serap atau الدّخِيل (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, 2004:97). Penyerapan perkataan asing ini adalah sebagai proses untuk memperkayakan perbendaharaan kata sesuatu bahasa supaya ia berkembang maju dan dinamik. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis mengekalkan penggunaan 'kata pinjaman' kerana istilah ini lebih universal.

Perkataan Arab yang dipinjamkan ke dalam Bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek dan menyeluruh dalam kehidupan seperti aqiqah dan khatan sehinggalah ke saat kematian seperti kafan dan kubur. Walau bagaimanapun, melalui proses peminjaman ini, terdapat beberapa perkataan Arab yang dipinjam ini telah melalui perubahan dari segi bunyi dan makna seperti mana yang dijelaskan oleh Mustafa Hj Daud (1996:85-86). Dari segi bunyi, didapati beberapa perkataan Arab yang dipinjam telah melalui beberapa proses penyesuaian seperti: pengguguran satu daripada dua fonem yang sama, penggantian fonem dengan fonem lain. Penggantian fonem dengan fonem lain berlaku kerana terdapat beberapa konsonan Arab tidak mempunyai konsonan yang sepadan dalam bahasa Melayu, ianya ditukar kepada konsonan yang paling hampir dalam bahasa Melayu seperti ق [θ] diganti dengan [κ], ض [dˤ] diganti dengan [δ], ط [tˤ] diganti dengan [τ] dan lain-lain lagi. Malahan terdapat juga perubahan-perubahan lain yang berlaku seperti pengguguran satu daripada dua fonem yang sama di tengah seperti perkataan دجّال dalam bahasa Arab menjadi ‘dajal’. Selain dari itu berlaku juga penambahan fonem di akhir perkataan seperti perkataan علم menjadi ‘ilmu’.[1] Berikut disenaraikan secara terperinci perubahan tersebut:

1. Pengguguran satu daripada dua fonem yang sama di tengah seperti perkataan *Dajjal* /dɑddʒɑl/ (Arab) menjadi 'dajal'/dɑdʒɑl/.
2. Penggantian fonem [θ] dengan fonem [κ] seperti *Qamus* /qɑmʊs/ (Arab) menjadi 'kamus' /kɑmʊs/.
3. Penggantian fonem [ɸ] dengan [π] seperti *Fasl* /fɑsˤl/ (Arab) menjadi 'pasal' /pɑsɑl/(ejaan lama).
4. Penambahan fonem [ʊ] di akhir seperti *ilm* /ʕlm/ (Arab) menjadi 'ilmu'/ɪlmʊ/. Penambahan fonem [ɪ] di akhir seperti *ahl* /ɑhl/ (Arab) menjadi 'ahli' /ɑhlɪ/.
5. Menggunakan fonem [ɛ] di tempat fonem [α] seperti *sadaqat* /sˤɒdɑqɒh/ (Arab) menjadi 'sedekah'/sədəkɑh/.
6. Bunyi [θ] dalam ejaan 'th' diganti dengan fonem [σ] seperti *hadith* /ħɑdiːθ/ (Arab) menjadi 'hadis' /hɑdɪs/.
7. Menggantikan fonem [ζ] dengan [λ] seperti *zahir* /zˤɒher/, (Arab) menjadi 'lahir' /lɑher/.

[1] Sila lihat juga Che Radiah bt Mezah. Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab, Tesis Doktor Falasafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006, hlm.147-149

8. Menggantikan bunyi [dˤ] dalam ejaan 'dh' dengan [ð] seperti *qadhi* /qɒ dˤiː/ (Arab) menjadi 'kadi' /kɑdɪ/.
9. Menggantikan bunyi [ð] dalam ejaan 'dh' dengan [ζ] seperti *ladhat* /lɑ ðɑt/ menjadi lazat /lɑzɑt/.

Dari segi makna pula, didapati berlaku perubahan dalam proses penggunaannya. Di antara perubahannya ialah kata-kata yang dipinjam diberi makna baru sama ada berlainan atau berlawanan. Kata pinjaman itu juga membawa makna yang lebih sempit atau dikhususkan daripada makna asalnya. (Abbas Mohd Shariff, 1999:14). Sebagai contoh perkataan 'amil'. Perkataan ini dalam bahasa Arab bermaksud seorang pekerja tanpa mengira jenis pekerjaannya. Sedangkan perkataan yang sama digunakan dalam bahasa Melayu sebagai pemungut zakat. Antara perkataan-perkataan lain yang mengalami proses yang sama seperti 'khalwat', 'amal', 'musabaqah', dan 'maktab'.

Di antara perubahannya ialah kata-kata yang dipinjam itu diberi makna baru sama ada berlainan atau berlawanan dengan makna asalnya. Contohnya :

BAHASA ARAB	**BAHASA MELAYU**
(دَواة) : Bekas berisi dakwat	Dakwat: Cecair berwarna yang digunakan untuk menulis
(مَكْتَب):Meja / Tempat menulis; Pejabat.	Maktab : Tempat belajar seperti kolej .
(خُلْوَة) : Mengasingkan diri untuk bertafakur atau beribadat.	Khalwat : Berada berdua-duaan dalam keadaan yang sumbang di tempat yang terpencil.
(أُصُول) : Kata jamak kepada 'asl' (asal)	Cadangan

Terdapat juga, kata-kata Arab yang dipinjam sebagaimana contoh-contoh di bawah ini, membawa makna yang lebih sempit atau dikhususkan daripada makna asalnya.

BAHASA ARAB	**BAHASA MELAYU**
Musabaqah (مُسَابَقَة): Segala jenis pertandingan	Pertandingan Quran
Nafsu (نَفْسٌ) : Diri	Syahwat
Ustaz (أسْتَاذ) : Profesor dalam semua bidang ilmu/ ahli Muzik	Guru agama
Mudir (مُدِيْر) : Ketua pentadbir	Pengetua sekolah agama

Walau bagaimanapun, kata yang dipinjam ini, ketika ditulis dengan fonem Jawi, umumya tidak memberi kesan kepada perubahan makna. Tetapi, apabila kata itu ditulis dengan fonem Rumi dengan lambang fonem yang mewakili bunyi bahasa Melayu, khususnya ejaan baharu, sebahagiannya menimbulkan perubahan makna. Malahan jika ditulis semula ke dalam ejaan Jawi, ia akan menimbulkan perubahan lagi melainkan jika

ditulis oleh mereka yang berlatar belakangkan Bahasa Arab atau pendidikan agama. (Abdul Rahman Rukaini, 1996:40) Contohnya:

Amal - عَمَل (amal) menjadi أمل (amal) membawa makna – cita-cita
Alim - عالِم (alim) menjadi أليم (alim)membawa makna – pedih, dahsyat
Hadis - حَدِيْث (hadith) menjadi حادث (hadith) membawa makna - peristiwa
Reda - رِضَا (reda) menjadi ريضا (reda)

Perubahan dan penukaran makna yang drastik antara makna asal dan makna baru seperti ini ada kalanya mendatangkan masalah kepada pengguna. Hal ini juga akan menyebabkan pelajar bahasa Arab mengalami kesukaran dalam penggunaan mereka sama ada secara lisan mahupun tulisan.

Dalam kajian berkaitan kesilapan leksikal yang dilakukan oleh Che Radiah Mezah (2006), didapati masalah penggunaan kata pinjaman Arab berlaku dalam penulisan pelajar sekolah menengah atas. Justeru itu, pengkaji berhasrat untuk meneruskan kajian ini di peringkat universiti bagi mengenal pasti ketepatan penggunaan kata pinjaman Arab oleh pelajar dalam penulisan mereka serta mengklasifikasi bentuk penggunaannya. Diharapkan kajian ini dapat membantu pelajar bahasa Arab mengguna kata pinjaman Arab dengan betul dan tepat.

Analisis dan Dapatan Kajian

Analisis yang dilakukan ke atas hasil penulisan subjek kajian adalah bertitik tolak daripada teori kognitif seperti yang dinyatakan sebelum ini sebagai mendasari skop perbincangan. Setelah dianalisis hasil penulisan pelajar didapati sebahagian pelajar menggunakan perkataan Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu tidak begitu tepat yang membawa kepada terhasilnya beberapa bentuk kesilapan dalam pelbagai aspek seperti: morfologi, ejaan dan leksilkal. Berikut adalah contoh-contoh kesilapan tersebut yang ditemui dari data yang diperolehi:

1- ... **التفكور**، ...**جوبة**، ...، **صيحة**، ... **يضور**، ... **عزام**، ... **مسائلة**.
2- يقبل **ورقة** الأخيرة من **الصحابة** البعيد.
3- هو صديق **قريب**.
4- هو يستطيع حل **مسألة** التي يوجهه.
5- الفريقان **يبحث** عن موضوع الاستقلال.
6- هو لم يعرف **علامة** بيتي.
7- **مشاركة** ماليزيا مختلفة. / **مشاركة القديم** خير من الحديث.
8- الفواكه في ماليزيا مختلفة **الأجناس**.
9- ....**مجلس البيت المفتوح** ..../ .... **مجلس النكاح**.
10- **الخلوة** حرام في الإسلام.
11- عمل خير .... / عمل كريم .../ عمل شريف ....
12
- المسلمون يعطي الصدقة كثيرة.

Ulasan dan Perbincangan

Melihat kepada penggunaan pelajar terhadap beberapa kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, didapati mereka menulisnya mengikut sistem ejaan jawi. Kesilapan tersebut pelajar boleh dilihat dalam beberapa perkatan yang ditulis oleh pelajar seperti:
(مسائلة، مبزرين، مجالة، التفكور، جباة، جوبة، صيحة، يضور، عزام), manakala ejaan yang betul adalah seperti berikut:
(مسألة، مبذرين، مجلة، التفكر، جبة،صحة، يضر، عزم)

Hal ini terjadi kerana pelajar terpengaruh dengan sebutan Melayu dan juga ejaan Jawi, seperti penggunaan fonem ‘zai’ di tempat fonem ‘dzal’. Begitu juga dengan sebutan ‘jubah’ Melayu yang disebut tanpa ‘syaddah’. Penambahan fonem ‘alif’, ‘waw’ dan ‘ya’ pada sesetengah perkataan adalah kerana pelajar terpengaruh dengan ejaan jawi. Dalam ejaan Jawi baru setiap bunyi ‘a’ dalam tulisan rumi menyamai fonem ‘alif’ dalam bahasa Arab. Justeru itu, pelajar akan menambah fonem ‘alif’ pada setiap perkataan yang berbunyi ‘a’ seperti dalam perkataan "عزام", fonem ‘ya’ pada bunyi ‘i’ seperti perkataan "صيحة", fonem ‘waw’ pada bunyi ‘u’ seperti perkataan "يضور". Kesilapan ejaan juga boleh berlaku apabila terdapat konsonan Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Justeru, pelajar akan melakukan kesilapan dengan menggunakan konsonan yang hampir sama bunyinya dengan konsonan Arab seperti dalam contoh berikut: ....أن يتجنب عن الأمور القبيحة **كالتبزير** . Perkataan **"تبزير"** seharusnya ditulis dengan fonem ‘dzal’ **تبذير** . Jelas di sini bahawa keadaan tersebut berlaku akibat gangguan bahasa ibunda pelajar yang memberi kesan ke atas penghasilan bunyi bahasa.

Penggunaan perkataan "صحابة" (BM-sahabat) mengikut maksud atau konteks Melayu seperti "الصحابة البعيد/ صحابة قريب" adalah tidak sesuai dan tidak menepati penggunaannya dalam bahasa Arab. Ini kerana perkataan "الصحابة" digunakan khusus untuk para sahabat yang hidup sezaman dengan Rasulullah S.A.W dan beriman dengan beliau. Perkataan "صحابة" dalam konteks Arab seperti mana dijelaskan dalam *al-Mu’jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:721) bermaksud "sesiapa yang bertemu dengan Rasulullah dan beriman dengan beliau serta mati dalam Islam". Bagi menyatakan maksud ‘kawan’ atau ‘rakan’ pelajar seharusnya menggunakan perkataan "زميل، صديق، رفيق، صاحب". Apabila dilihat dari segi sintaksisnya pula, didapati pelajar menggunakan perkataan "صحابة" untuk maksud tunggal mengikut penggunaan Melayu seperti dalam contoh: "هو صحابتي" (dia sahabat saya). Ini kerana perkataan ini digunakan oleh masyarakat Melayu untuk maksud tunggal dan jamak seperti ayat berikut: ‘Dia sahabat saya’, ‘mereka adalah sahabat saya’. Walhal dari sudut sintaksis Arab perkataan ini memberi maksud ‘jamak’ iaitu ramai dan kata tunggalnya ialah "صحابي".

Selain daripada perkataan "صحابة" terdapat juga perkatan lain yang digunakan oleh pelajar mengikut maksud Melayu seperti perkataan "أهل" (BM-ahli). Mereka menggunakan perkataan ini dalam ayat seperti: أنا من أهل المؤسسة الخيرية. Penggunaan ini sama sekali tidak menepati penggunaan dalam bahasa Arab. Perkataan "أهل" dalam bahasa Arab bermaksud “anggota keluarga/ ahli

kariah" أهـل أسـرته وأقاربـه/ أهـل الـدار/ أهـل النبـي". (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:117)). Seharusnya pelajar menggunakan perkataan "عضـو" untuk menyatakan tujuan tersebut.

Didapati juga pelajar menggunakan perkatan "قريب" (BM-karib) dalam ayat mereka mengikut konteks Melayu untuk maksud 'kawan karib' seperti dalam ayat berikut:"هو صـديق قريـب". Untuk tujuan yang sama, penggunaan perkataan Arab yang sesuai dalam konteks ini ialah: حمـيم. Hal sini memperlihatkan bahawa pelajar menggunakan perkataan "قريب" mengikut konteks Melayu. Manakala perkataan yang sama iaitu: "قريب" digunakan dalam konteks bahasa Arab untuk jarak sesuatu tempat. Perkataan "قريب" juga bermaksud "lawan kepada jauh dari segi masa dan tempat." (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:976)).

Perkataan "مسـألة" (BM-masalah) sudah sebati penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Ianya digunakan mengikut konteks Melayu untuk menerangkan sesuatu permasalahan yang dialami oleh individu tertentu. Kajian ini mendapati pelajar menggunakan perkataan ini mengikut konteks Melayu seperti dalam ayat berikut:هو يستطيع حل مسألة التي يواجهه untuk maksud (dia mampu menyelesaikan masalah yang dihadapinya) Penggunaan seperti ini tidak tepat, kerana untuk menyatakan hal tersebut dalam bahasa Arab, pelajar seharusnya menggunakan perkataan "مشكلة" bukan "مسـألة" . Ini kerana perkataan "مسـألة" dalam bahasa Arab bermaksud: 'sesuatu kes atau topik/ tajuk', manakala perkataan "مشكلة" pula bermaksud: "sesuatu keadaan/perkara yang dibentangkan yang memerlukan kepada penyelesaian". (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:699)).

Penggunaan perkataan " **مجلس** " (BM- majlis) di mana pelajar menggunakan perkataan ini mengikut maksud dalam bahasa Melayu seperti **مجلس المنزل المفتوح /مجلس النكاح** / **مجلس عيد الفطر/ مجلس الشكر** (untuk maksud 'majlis rumah terbuka/majlis pernikahan, kesyukuran). Keadaan ini tidak menepati penggunaannya dalam bahasa Arab. Seharusnya mereka menggunakan perkataan حفلة seperti **حفلة الزواج/عرس** dan sebagainya. Perkataan مجلس dalam bahasa Arab boleh bermaksud "tempat duduk" (مكان) الجلوس atau "badan yang dianggotai sekumpulan manusia bagi melaksanakan /menyelia sesuatu tanggungjawab" (مجلس الشعب، مجلس الوزراء، مجلس الأمن) (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:256)). Hal ini berlaku kerana kefahaman pelajar terhadap makna perkataan tersebut adalah mengikut makna Melayu yang telah tersimpan dalam pemikiran mereka.

Didapati juga pelajar tidak memahami dengan baik maksud kata pinjaman bahasa Arab itu sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui ayat yang digunakan oleh pelajar yang diterjemahkan melalui perkataan "عزم" (BM-azam). Terdapat sebilangan pelajar menterjemahkan perkataan ini dengan perkataan: "التزام" bermaksud (komitmen) seperti dalam contoh berikut: "يلتزم علي بالنجاح التزاما شديدا/ وجود الالتزام قوي لنجاح ..." sebagai terjemahan kepada ayat Melayu: Ali mempunyai keazaman yang kuat untuk berjaya. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pelajar tidak begitu memahami maksud kedua-dua perkataan sama ada dalam konteks Melayu mahupun konteks Arab.

Walaupun kedua-dua perkataan itu merupakan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu secara meluas.

Terdapat juga penggunaan kata pinjaman Arab yang disempitkan maksudnya kepada perkara negatif sebagaimana penggunaan perkataan **خلوة** (BM- khalwat) di mana pelajar menulis : الخلوة حرام في الإسلام/ كان الأمور السيئة هي خلوة. Dalam bahasa Arab penggunan perkataan ini tidak dikhususkan kepada perlakuan yang tidak baik sebagaimana penggunaannya dalam bahasa Melayu, tetapi ia boleh bermaksud "tempat terasing untuk bersendirian atau dengan seseorang" dan juga boleh digunakan untuk maksud yang positif seperti **الخُلوة الشرعية** yang bermaksud "bersunyi-sunyi (berduaan) seorang lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang tidak dilarang untuk "bersama" mengikut syara''. (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:422)).

Begitu juga bagi perkataan **عَمَل** (BM- amal) di mana kebanyakan pelajar lebih mengkhususkan perkataan tersebut dalam bahasa Arab untuk maksud kerja-kerja kebajikan atau berkaitan dengan perkara yang baik sahaja seperti عمل خير ، عمل كريم، عمل شريف. Walhal dalam bahasa Arab ia boleh digunakan dalam kerja-kerja kebaikan, kebajikan atau sebaliknya. Penyempitan makna yang berlaku di atas jelas menunjukan pengaruh budaya Melayu dalam memahami perkataan. Hal ini kerana pengetahuan pelajar terhadap makna asal perkataan tersebut telah tersimpan dalam pemikiran mereka yang seterusnya membawa kepada penggunaan yang tidak tepat dalam bahasa Arab.

Kesilapan yang lebih ketara lagi dapat dilihat apabila pelajar menggunakan sesuatu kata pinjaman Arab yang telah berubah sama sekali maksudnya dalam bahasa Melayu sebagaimana dalam contoh-contoh berikut:

Perkataan **علامة** (BM- alamat) digunakan dalam ayat " هو لم يعرف **علامة بيتي** " untuk maksud "alamat rumah". Ini berbeza dengan penggunaannya dalam bahasa Arab yang bermaksud رمز ، سمة ، أمارة yakni "lambang atau tanda" seperti **علامة التعجب / علامة الجمع** dan sebagainya. Sepatutnya pelajar menggunakan perkataan " عنوان " untuk maksud ayat tersebut seperti **عنوان بيته** kerana ia bermaksud " ما يستدلّ به عليه ". (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:873)).

Seterusnya pelajar menggunakan perkataan **ورقة** (BM- warkah) untuk maksud "surat" sebagaimana dapat dilihat dalam ayat : يقبل **ورقة** الأخيرة من الصحابة البعيد yang sepatutnya mereka menggunakan **خطاب / رسالة** yang bermaksud surat. Perkataan ورقة dalam bahasa Arab bermaksud sehelai kertas.

Kesilapan juga berlaku apabila pelajar menggunakan perkataan يبحث dan يباحث bagi menyatakan maksud 'berbahas/berdebat' sebagaimana dapat dilihat dalam ayat berikut " الفريقان **يبحث** عن موضوع الاستقلال ". Sepatutnya mereka menggunakan perkataan **" يُناظِرُ /مُناظَرَة "** untuk maksud "berdebat/ perdebatan". بحث – جدال ونقاش علمي *(al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:1205)) manakala

يبحث bermaksud mencari/menyelidik sesuatu – بحث في الشيء : طلبه وفتّش عنه. (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:132)).

Pelajar juga didapati menggunakan perkataan **مُشارَكَة** dalam bahasa Arab untuk maksud "masyarakat" dalam bahasa Melayu sebagaimana dapat diteliti dalam ayat berikut : خير من الحديث مختلفة / **مشاركة القديم** **مشاركة ماليزيا**

Mereka juga menggunakan perkataan جِنْس – أَجْناس (BM-jenis) dalam konteks yang tidak sesuai sebagaimana dapat dilihat dalam ayat **أجناس الفواكه** في ماليزيا مختلفة /الفواكه في ماليزيا **مختلفة الأجناس** . Pelajar sepatutnya menggunakan perkataan أنواع – نوع dalam ayat tersebut agar bersesuaian dengan الفواكه . Perkataan جنس dalam bahasa Arab memberi maksud "jenis /bangsa manusia sebagaimana ayat " .....أقوام من مختلفة الأجناس " (نوع الجنس البشري) (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy* (1999:269)) manakala perkataan نوع-أنواع menunjukkan kepada jenis/golongan dari sesuatu yang bersifat lebih umum berbanding جنس - أجناس seperti نوع الأقمشة / نوع السيارة.(jenis kereta, jenis kain) (*al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy,* (1999:242)). Jelas di sini, kesilapan ketara dalam perkataan "جنس، مشاركة، ورقة، علامة" yang melibatkan makna perkataan adalah disebabkan gangguan bahasa ibunda yang telah wujud dalam pemikiran mereka.

Selain daripada itu, bahasa Arab adalah bahasa derivasi yang mana setiap perkataan boleh dipelbagaikan fungsi dan kegunaannya. Aspek ini merupakan aspek yang penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Tanpa penguasaan dalam aspek ini amat sukar bagi pelajar untuk memahami teks yang pelbagai, apatah lagi untuk menggunakannya dalam tulisan atau pertuturan mereka. Berikut adalah contoh penggunaan pelajar yang tidak tepat terhadap perkataan Arab:

Contoh: Orang Islam disunatkan menggosok gigi sebelum solat.
Pelajar mengungkapkan sebagaimana berikut:
على المسلمين تنظيف الأسنان قبل الصلاة. **سنة** . Seharusnya ayat tersebut ditulis seperti berikut:
(**يسن / يستحبّ** على المسلمين السواك قبل الصلاة)
Kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata Arab serta gaya bahasanya akan menyebabkan kesilapan berlaku dalam penulisan mereka. Hal ini kerap terjadi kerana pelajar menterjemahkan perkataan Arab secara literal ke dalam bahasa Melayu berdasarkan pengalaman dan kosa kata yang sedia ada pada pelajar. Sedangkan perkataan yang diterjemahkan itu memerlukan kepada perkataan lain yang lebih sesuai mengikut gaya bahasa Arab dan mengikut konteks penggunaan orang Arab. Contoh berikut memperlihatkan hal tersebut:
المسلمون يعطي الصدقة كثير في شهر رمضان.
Ayat di atas bermaksud: Orang Islam banyak bersedekah pada bulan Ramadhan.
Ayat yang seharusnya ialah يكثر المسلمون من الصدقة في شهر رمضان

Jika ditelusuri kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang mengalami perubahan makna atau perubahan dari segi penggunaannya, seterusnya perkataan tersebut menjadi faktor dan penyebab kepada berlakunya kesilapan pelajar, didapati bahawa perkataan seperti ini mempunyai kaitan rapat dengan makna dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh perkataan: "فسخ" yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk tujuan perpisahan antara suami dan isteri dan terputusnya hubungan di antara mereka berdua. Tetapi perkataan yang sama digunakan oleh orang Arab dengan maksud yang lebih luas dan umum. Tetapi jika diteliti, didapati bahawa orang Melayu menggunakan perkataan lain, iaitu 'pisah', yang boleh diandaikan bahawa ia berasal dari perkataan "فسخ" juga seperti yang digunakan oleh orang Arab. Hal yang sama juga berlaku pada perkataan lain seperti 'akad' dan 'rujuk'. (Amran Kasimin, 1987:20-21).

Kesimpulannya, didapati pelajar melakukan kesilapan semasa menggunakan perkataan Arab yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya:

1. Terpengaruh dengan makna yang telah sebati digunakan dalam bahasa Melayu.
2. Tidak memahami penggunaan sebenar sesuatu perkataan itu mengikut konteks yang sesuai dalam bahasa Arab.
3. Perbezaan di antara bahasa Arab dan Melayu dari segi bunyi dan morfologi serta gaya bahasa yang berbeza.
4. Proses asimilasi perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu yang melibatkan perubahan makna asal dan perubahan bunyi menyebabkan kesilapan berlaku kerana pelajar tidak memahami dengan baik maksud asal perkataan tersebut.

Rumusan

Berdasarkan ulasan dan analisis di atas dapat dirumuskan bahawa pelajar Melayu walaupun telah didedah dengan pembelajaran bahasa Arab sejak di bangku sekolah lagi selama lebih dari sepuluh tahun, didapati mereka masih lagi memerlukan penekanan dan pendedahan yang lebih serius terhadap penggunaan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Hal ini terbukti apabila pelajar menggunakan sebahagian perkataan Arab yang dipinjamkan dalam bahasa Melayu mengikut konteks Melayu ketika mereka menulis dalam bahasa Arab. Penggunaan seperti ini adalah tidak tepat, kerana sebahagian perkataan pinjaman tersebut telah mengalami sedikit perubahan dari segi makna atau sebutan seperti yang dijelaskan sebelum ini. Selain dari itu setiap bahasa mempunyai gaya bahasa tersendiri. Ianya berbeza dari satu bahasa dengan bahasa yang lain. Bentuk kesilapan pelajar boleh dikateorikan sebagaimana berikut:

1. Kesilapan Ejaan

Hal ini terjadi kerana sistem bunyi Arab amat berbeza dengan sistem bunyi Melayu. Apabila pelajar menggunakan kata pinjaman Arab dalam ayat Arab, mereka akan menulis mengikut ejaan Melayu.

2. Aspek Morfologi
Bahasa Arab merupakan bahasa variasi yang cukup mementingkan aspek morfologinya. Setiap perubahan yang berlaku kepada setiap bentuk perkataan akan membawa kepada perubahan dari segi makna.

3. Penggunaan yang tidak sesuai dengan konteks
Setiap bahasa mempunyai gaya bahasa tersendiri, perkataan yang sama apabila digunakan dalam bahasa yang berbeza boleh membawa maksud yang berbeza.

4. Penyempitan makna
Dalam proses peminjaman bahasa, seperkara yang lazim ialah perubahan dari segi makna perkataan yang dipinjam itu. Perkataan yang dipinjam akan mengalami sedikit perubahan sama ada dari segi penyempitan makna atau peluasan makna.

5.Terjemahan secara literal
Kerap kali terjadi apabila pelajar tidak mempunyai kosa kata yang cukup untuk membolehkan mereka menyatakan sesuatu dalam bahasa yang dipelajari, mereka akan menggunakan jalan singkat atau menyelesaikan masalah mereka dengan membuat terjemahan secara literal.

Sebagai kesimpulan dari apa yang telah dipaparkan di atas, dapat disimpulkan bahawa ketepatan pemilihan sesuatu kata yang digunakan dalam ayat perlu memberi perhatian kepada penggunaan yang jelas dan bersesuaian antara makna denotasi dan konotasi sesuatu kata dalam sesuatu konteks, membezakan dengan cermat kata-kata yang hampir bersinonim supaya tidak timbul interpretasi yang berlainan, membezakan kata yang mirip dalam ejaan dan sebutan fonemnya seperti مِرْآة (cermin) dan مَرْأَة (wanita), بَعْد (selepas) dan بَعْض (sebahagian/beberapa), penggunaan kata berimbuhan atau pola kata yang menepati maksud juga kolokasi yang sesuai antara perkataan. Di samping itu, perhatian harus diberi kepada perubahan makna yang berlaku pada sesuatu kata, khasnya kata serap atau kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang telah melalui perubahan makna.

Cadangan

Berikut dikemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada guru dan pelajar untuk membantu pelajar supaya mereka dapat mengguna kata pinjaman Arab dengan lebih tepat.

Cadangan kepada guru:

1. Pelajar diberi pendedahan yang cukup terhadap penggunaan perkataan pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dan penggunaannya dalam konteks bahasa Arab.
2. Perhatian yang serius perlu diberi kepada kata pinjaman yang telah mengalami perubahan dari segi makna dan juga sebutan.

3. Pelajar juga mesti diberi pendedahan dan latihan yang secukupnya terhadap gaya bahasa Arab *(al Asalib al Arabiyyah)*. Ini untuk mengelak mereka dari menterjemah sesuatu perkataan yang ingin disampaikan secara literal.
4. Pengajar harus bijak memilih perkataan pinjaman Arab dalam BM. Ini kerana, kata pinjaman Arab dalam BM dilihat boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA dalam kalangan pelajar Melayu khasnya berkaitan pengkayaan kosa-kata dan kemudahan untuk memahami maksud kata. Ini bertepatan dengan saranan oleh Abd al-Raziq Hasan (1990) agar dimanfaatkan kata pinjaman Arab yang terdapat dalam BM khususnya bagi memudahkan proses P & P BA di sekolah-sekolah.

Cadangan kepada pelajar:

1. Pelajar harus mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ini kerana sikap mempunyai peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam penguasaan mereka terhadap kata pinjaman secara khasnya dan bahasa Arab secara amnya.
2. Pelajar harus mempunyai inisiatif sendiri untuk menelaah bahan sampingan dalam bahasa Arab. Mereka tidak seharusnya bergantung kepada buku teks atau nota kuliah semata-semata. Dengan cara ini pelajar dapat menambah kosa-kata bahasa Arab serta menguasai gaya bahasa Arab dengan cepat.
3. Pelajar harus merebut segala peluang dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti, dengan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Universiti atau mengambil peluang bergaul dengan orang Arab yang ada di universiti supaya mereka dapat mempraktis penggunaan perkatan Arab secara langsung.

Penutup

Secara umumnya, kajian ini memperlihatkan betapa pentingnya perhatian yang harus diberi kepada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Perkataan ini walaupun ianya sudah sebati dalam masyarakat Melayu, terdapat juga beberapa perkataan dari segi penggunannya berbeza mengikut konteks dan gaya bahasa masing-masing. Sehubungan dengan ini, sebagaimana yang diketahui, sistem dan peraturan bahasa Melayu (BM) dan bahasa Arab (BA) adalah begitu berbeza dalam banyak aspek disebabkan kedua-duanya bukan berada dalam rumpun bahasa yang sama. Keadaan ini menimbulkan banyak kelainan yang menyebabkan proses pembelajaran menjadi lebih rumit.

Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar membuktikan bahawa mereka sering kali menggunakan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu mengikut konteks Melayu yang telah terbentuk dalam pemikiran mereka. Apabila hal ini berlaku, ia akan menyebabkan kesilapan yang serius. Justeru itu, pengajar harus memainkan peranan yang penting untuk memastikan bahawa pelajar mampu menggunakan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dengan betul dan tepat mengikut konteks dan gaya bahasa Arab.

RUJUKAN

Abbas Mohd Syariff. 1999. Permasalahan Pengaruh Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjaun Ringkas, dalam *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-7*,(c1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd al-Raziq Hasan Muhammad. "Al –Alfaz al-Maliziyyah al-Muqtaradhah min al-Lughah al-Arabiyyah wa Kayfiyyah al-Istifadah minha fi Barnamij Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah fi Maliziya" dlm. Kertas Kerja *Seminar Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Anjuran UIA pada 25-28 Ogos 1990.

Abdul Rahman Rukaini. 1996. Morfem Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu. Dlm. Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Hasjamy. 1981. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh: Pt. Al-Maarif,

Almunazzamah al Arabiyah li al Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al Ulum. 1999. *Al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy*, Tunisia: Larus.

Amran Kasimin. 1987. *Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu*. Bangi; Penerbit Universiti Kebangsaan.

Che Radiah Mezah. 2006. Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab, *Tesis* Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab. 2004. (c.3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Ahmad. 1989. Analisis Kesalahan Sebagai Pendekatan Pengajaran Bahasa Malaysia, *Jurnal Dewan Bahasa*. *33*(9): 611-613

Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1979. *Arabic Loan Words in Malay Language*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.

Mustafa Hj Daud. 1996. *Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nation, I.S.P. *Teaching and Learning Vocabulary*, New York: Newbury House Publishers. 1990

Lado, R. 1980. *Mengajar Bahasa*. (c.1) terjemahan Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. 2006. *Aplikasi Psikolinguistik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.